

**Article Info:**

Published Date: 01 March 2022

\*Corresponding Author: nooraingh@gmail.com

## MENINGKATKAN KEMAHIRAN MELUKIS DALAM KALANGAN MURID SENI VISUAL TAHUN 6 SK SRI LAYANG MENGGUNAKAN KAEDAH SURIH LED

*Improving drawing skills among year 6 SK Sri Layang visual arts students by using led trace method*

Noor Ain Mohd Yusoff

Sekolah Kebangsaan Sri Layang, Genting Highlands, Pahang, MALAYSIA

**To cite this article (APA):** Mohd Yusoff, N. A. (2022). Improving drawing skills among year 6 SK Sri Layang visual arts students by using led trace method. *KUPAS SENI*, 10, 23-29. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.3.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.3.2022>

### ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji keberkesanan pengaplikasian kaedah “Surih LED” bagi meningkatkan kemahiran melukis dalam kalangan murid mata pelajaran Seni Visual. Kajian ini dilaksanakan dalam kalangan murid kelas 6 Cemerlang SK Sri Layang, Genting Highlands. Seramai 23 orang murid terlibat bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan data secara kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan beberapa jenis instrument iaitu ujian pra, ujian pos, analisis dokumen tugas dan soal selidik. Analisis data dibuat dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi menghuraikan data yang diperolehi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat peningkatan terhadap pencapaian murid setelah pengaplikasian kaedah “Surih LED” diperkenalkan. Pelaksanaan kaedah ini juga melibatkan aktiviti berkumpulan (bimbingan rakan sebaya, dilihat turut membantu murid terdorong untuk meningkatkan kemahiran masing-masing. Penggunaan kaedah “Surih LED” ini sebagai satu intervensi baharu yang diteroka dalam usaha meningkatkan perkembangan kemahiran dan penguasaan murid dalam mata pelajaran Seni Visual secara khususnya.

**Kata kunci:** surih digital, kemahiran melukis

### ABSTRACT

This study was conducted to examine the effectiveness of the application of the method of "LED Trace" to improve drawing skills among students of Visual Arts subjects. This study was conducted among students of class 6 Excellent SK Sri Layang, Genting Highlands. A total of 23 students were involved to help researchers to obtain data qualitatively and quantitatively by using several types of instruments, namely pre -test, post -test, analysis of assignment documents and questionnaires. Data analysis was done by using descriptive analysis method to describe the data obtained. The findings of the study showed that there was an improvement in student achievement after the application of the "LED Trace" method was introduced. The implementation of this method also involves group activities (peer guidance, seen to also help students to improve their skills. The use of "LED Trace" method as a new intervention explored in an effort to improve the development of skills and mastery of students in the subject of Visual Arts specifically.

**Keywords:** digital trace, drawing skills

## PENGENALAN

Taylor (1986) seorang ahli psikologi menyatakan tentang tidak semua manusia dilahirkan dan dikurniakan dengan bakat yang sama. Beliau percaya bahawa perkembangan bakat seseorang terlalu berkait rapat dengan cara bagaimana seorang pendidik berupaya merangsang pemikiran seorang pelajar. Di dalam teorinya “Multiple Creative Talent”, beliau menjelaskan bahawa pembentukkan bakat perlulah bersesuaian dengan aktiviti pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas.

Kajian Brown (1980), mendapati bahawa pengalaman kanak-kanak dalam memerhati ketika melukis atau membuat lakaran dapat meningkatkan kebolehan memperkayakan pengetahuannya tentang perbezaan-perbezaan setiap objek atau imej tampak di sekeliling mereka. Jika sekiranya kanak-kanak diberi pendedahan kaedah dan teknik yang sempurna mereka akan berkeupayaan mengembangkan pemikiran yang kritis. Aktiviti seperti ini akan dapat mengembangkan naluri ingin tahu secara explorasi menerusi deria lalu melahirkan pemikiran kreatif dan kritis dan seterusnya dijana melalui ekspresi diri kanak-kanak.

Sepanjang 3 bulan sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pengkaji telah mengajar pelajar tahun 6 aktiviti dalam bidang menggambar termasuklah menghasilkan lukisan. Terdapat beberapa perkara yang menyebabkan pengkaji tidak berpuas hati terhadap hasil lukisan yang telah dihasilkan oleh pelajar. Pengkaji mendapati pelajar mempunyai masalah untuk menghasilkan imej yang diberikan dengan betul dan kemas. Semasa proses menghasilkan lukisan, pengkaji dapat memerhatikan bahawa pelajar tidak mahir melukis dan gambar yang dihasilkan tidak mencapai tahap yang diinginkan. Pelajar juga tidak sempat menyiapkan lukisan kerana teragak-agak dengan hasil kerja sendiri dan kerap menggunakan pemandam.

Pengkaji menunjukkan gambar yang perlu dilukis dan langkah-langkahnya di papan putih namun pelajar masih lagi tidak dapat melukis gambar tersebut dengan baik. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pelajar kurang membuat latihan melukis dan tidak didedahkan dengan serius atas kemahiran melukis sejak awal sekaligus menyebabkan pelajar tidak yakin dan berasa mereka tidak boleh melukis. Berikutnya masalah ini, pelajar tidak dapat mencapai objektif hasil kerja yang ditetapkan oleh pengkaji.

Berdasarkan dapatan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, pengkaji mendapati lukisan yang dihasilkan oleh pelajar tidak memuaskan. Bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji mengambil keputusan untuk melaksanakan kajian menggunakan alat surih LED untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran melukis pelajar supaya dapat melukis dengan betul dan kemas.

Menurut Rofidah, Muhamad, Zainuddin dan Norkhaizatul (2019) proses menghasilkan lukisan kanak-kanak perlu mempunyai ilmu pengetahuan, serta bimbingan yang tepat. Ini dapat dikaitkan dengan hasil kajian Noradzimah, Abdul dan Normah (2015) yang menyatakan kanak-kanak boleh mengimitasi dengan sangat baik kerana lukisan yang dihasilkan hampir-hampir menyamai gambar objek asal dari segi kuantiti, kualiti, bentuk dan warna yang dipilih. Kanak-kanak telah mengenali bentuk dan rupa objek yang dilakar, oleh itu peniruan mereka dalam bentuk melukis semula objek yang dilihat adalah sangat baik. Ahmad dan Roslaili (2017) menyatakan murid dapat menjana idea sendiri dan mengolahnya dalam pelbagai cara mengikut kreativiti mereka sendiri.

Norjietta (2018) menyatakan latih tubi dalam aktiviti melukis ini mampu membina keyakinan diri diri dalam kalangan kanak-kanak kecil untuk membina keyakinan diri. Strategi pengajaran guru amat mempengaruhi dalam aktiviti lukisan untuk meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak kecil. Kenyataan ini dapat disokong dengan kajian Menurut Zeyu, Sherry, Nicole, Holly, Leonard dan Julie (2021) yang menyatakan hasil kajian mereka membandingkan kaedah surih dan lukisan tangan bebas mendapati terdapat persamaan yang ketara dalam penghasilan strok dan jenis strok yang digunakan. Ia menunjukkan bahawa kaedah surih boleh berfungsi sebagai alat bantu yang baik untuk menghasilkan lukisan.

Menurut Emma dan Chris (2006) semasa menggunakan kaedah surih, pergerakan pen dan mata seiring dengan pergerakan yang lancar berbanding semasa melukis kaedah biasa pergerakannya lebih perlahan dan tidak teratur. Kenyataan ini boleh dikaitkan dengan hasil kajian Erez, Ricardo dan Diego (2021) yang melakukan hasil kajian mereka pada kanak-kanak sekolah rendah, kaedah surih menunjukkan perkembangan hasil lukisan yang ketara berbanding kaedah melukis bebas yang hanya menunjukkan peningkatan hasil yang sederhana untuk hasil lukisan mereka. Namun demikian, mereka menyimpulkan bahawa kedua-dua kaedah adalah bersesuaian bagi memantau perkembangan motor di kalangan kanak-kanak sekolah rendah.

## METODOLOGI

Kajian ini melibatkan 23 orang pelajar tahun 6 Cemerlang. Semua pelajar berusia 12 tahun. Kesemua pelajar tahun 6 dipilih supaya pengkaji dapat menentukan prestasi kemahiran melukis pelajar bagi subjek Pendidikan Seni Visual. Kesemua 23 orang pelajar telah dinilai melalui sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual menerusi instrumen berbentuk pra ujian dan ujian pos, analisis dokumen tugasan, dan soal selidik oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam mengumpul data bagi kajian ini.

Kaedah pengumpulan data merupakan aspek paling penting dalam menentukan keberkesanan kajian yang dijalankan. Kaedah ini perlu dilaksanakan dengan menggunakan instrumen yang tepat dan sesuai mengikut jenis kajian yang dijalankan supaya maklumat mudah diperoleh dan dikumpul. Kajian ini dijalankan ke atas 23 orang pelajar bagi mengesan perbezaan hasil lukisan yang menggunakan alat surih digital dan tidak menggunakan alat ini. Perbezaan hasil penting untuk menjawab persoalan kajian ini. Untuk kajian ini, saya menggunakan instrumen ujian pra dan ujian pos.

Dokumen merangkumi segala bahan bertulis, visual, dan fizikal yang sedia ada dan relevan dengan kajian (Merriam, 1998). Dalam kajian ini, instrument analisis dokumen yang dimaksudkan ialah hasil lukisan murid yang dianalisis dan diinterpretasi dalam bentuk data.

Seterusnya, instrumen soal selidik juga digunakan semasa kajian ini dijalankan. Instrumen ini berperanan untuk mengumpul maklumat secara lebih terperinci mengenai penggunaan alat surih LED dalam membantu pelajar melukis dengan baik. Melalui hasil data yang diperolehi daripada instrument soal selidik ini, pengkaji dapat menilai sejauh mana penggunaan surih LED memberi impak kepada kemahiran pelajar dalam aktiviti melukis. Segala maklumat yang direkodkan di dalam borang tersebut akan diambil kira untuk dianalisis.


## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian membincangkan hasil analisis data yang telah dilaksanakan pada kajian ini. Ia bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan surih LED sebagai medium untuk menghasilkan lukisan. Instrumen pertama iaitu ujian pra dan ujian pos dianalisis dengan cara membuat perbandingan markah yang diperolehi oleh murid sebelum dan selepas penggunaan surih LED. Berikut ialah jadual yang menunjukkan markah yang diperolehi oleh murid.

**Jadual 1:** Perbezaan Markah Ujian Pra (Sebelum penggunaan surih LED) dan Ujian Pos (Selepas penggunaan surih LED)

Bil.	Nama	Ujian pra %	Ujian pos %	Beza %
1	Murid 1	40	50	10
2	Murid 2	50	65	15
3	Murid 3	65	80	15
4	Murid 4	40	45	5
5	Murid 5	52	60	8
6	Murid 6	48	54	6
7	Murid 7	60	68	8
8	Murid 8	40	55	15
9	Murid 9	60	70	10

10	Murid 10	40	50	10
11	Murid 11	54	65	11
12	Murid 12	45	58	13
13	Murid 13	50	64	14
14	Murid 14	40	50	10
15	Murid 15	42	55	13
16	Murid 16	62	78	16
17	Murid 17	46	54	8
18	Murid 18	55	65	10
19	Murid 19	40	50	10
20	Murid 20	55	67	12
21	Murid 21	40	52	12
22	Murid 22	66	80	14
23	Murid 23	45	58	13
<b>Jumlah skor</b>		1135	1393	28
<b>Jumlah min</b>		49	60	11




Rajah 1. Perbandingan markah yang diperolehi murid dalam ujian pra dan ujian pos

Dari rajah 1 diatas, dapat dilihat peningkatan yang ditunjukkan oleh setiap murid. Murid 16 mempunyai peningkatan markah paling banyak iaitu sebanyak 16 peratus. Sementara peningkatan paling rendah ialah 5 peratus bagi murid 4. Purata peningkatan hasil kerja murid ialah 11 peratus.

**Jadual 2:** Perbandingan sebelum dan selepas menggunakan Surih LED

Kemahiran Melukis Menggunakan Kaedah Surih LED					
Jelas dan tepat		Sederhana		Tidak tepat	
Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
40%	47%	40%	50%	20%	3%


Jadual 2 di atas merupakan penjadualan data dapatan kajian analisis dokumen untuk kemahiran melukis menggunakan surih LED. Merujuk kepada data yang telah dibuat bandingan jelas menunjukkan penggunaan Surih LED bagi kemahiran melukis memberikan hasil yang positif.



**Rajah 2.** Hasil lukisan sebelum Surih LED

**Rajah 3.** Hasil lukisan selepas Surih LED

Rajah 2 dan rajah 3 menunjukkan hasil sebelum dan selepas penggunaan Surih LED. Peningkatan hasil kerja pelajar dapat dilihat berdasarkan peratusan kategori baik dan sederhana bertambah manakala peratusan kategori lemah menurun dengan drastik.



**Rajah 4.** Soal selidik penggunaan Surih LED untuk kemahiran melukis

Data soal selidik dianalisis dengan mengira peratus murid menjawab setiap soalan yang telah dikemukakan. Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan, bagi soalan 1,2,4,6,7,8 dan 9 peratus purata murid menjawab ya ialah 100 peratus manakala bagi soalan 3 jumlah yang menjawab ya ialah 40 peratus manakala yang menjawab tidak 60 peratus. Bagi soalan 6 peratusan yang menjawab ya ialah 43 peratus dan tidak pula 57 peratus. Daripada analisis di atas dapat disimpulkan, bahawa murid dengan jelas dapat melihat kemahiran melukis dan hasil lukisan mereka lebih baik dan berasa lebih yakin untuk melukis dengan menggunakan surih LED.

## **PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Berdasarkan kajian ini, masih lagi terdapat perkara yang boleh ditambah baik untuk meningkatkan lagi kemahiran melukis murid. Antaranya ialah mengatasi isu murid yang tidak memahami kemahiran asas seni reka Pendidikan Seni Visual yang penting terutamanya dalam bidang menggambar. Murid perlu diterapkan dengan pentingnya Pendidikan Seni Visual dan teknik melukis dalam seni dengan betul mengikut kreativiti guru atau murid sendiri.

Pendedahan mengenai asas seni reka juga akan diberikan penekanan lebih kepada murid tahap 1 iaitu tahun 1, 2 dan 3 supaya apabila naik ke tahap 2 kemahiran melukis bukanlah satu isu untuk mereka. Matlamat utama Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah ini juga bertujuan untuk melahirkan murid-murid yang kreatif dan memupuk minat murid ke arah memperkembangkan bakat seni dalam diri mereka. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berlandaskan kepercayaan kepada Tuhan.

Pada sesi pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya, pengkaji akan merancang dengan lebih teliti langkah yang akan dijalankan sebelum melakukan aktiviti melukis. Kanak -kanak secara fitrahnya mempunyai sifat yang suka melukis. Menurut Abdul Shukor Hashim (1985), kanak-kanak menggunakan aktiviti melukis sebagai salah satu medium untuk berkomunikasi, sebagai cara untuk mencapai kepuasan diri dan untuk meningkatkan penguasaan kendiri. Semua kanak-kanak mempunyai tingkah laku yang hampir sama apabila mereka melakukan aktiviti seperti melukis.

Saya akan menambahbaik aktiviti Surih LED dengan bukan sekadar menyuruh dengan pensil malah saya juga akan memberi pendedahan tentang penggunaan warna dalam proses melukis bagi menambah minat murid untuk menyiapkan lukisan. Pendedahan ini juga akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai konsep lukisan kepada murid. Hal ini adalah kerana, beberapa kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji tahap perkembangan kanak-kanak menunjukkan hasil karya seni kanak-kanak terutamanya dalam aktiviti melukis dapat menunjukkan tahap kreativiti mereka. Melalui aktiviti melukis, kanak-kanak dapat melahirkan pemikiran dan perasaan mereka.

Pengkaji juga akan melaksanakan kaedah surih LED bagi murid pada kelas yang berlainan bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan dalam melaksanakan aktiviti melukis seterusnya meningkatkan keyakinan murid bagi matapelajaran Seni Visual. Ini kerana kanak-kanak dilahirkan dengan sifat semula jadi dalam proses tumbesaran mereka untuk dapat menghasilkan proses menggambar semula dalam bentuk peniruan yang baik disamping dapat mengaplikasikan daya kreativiti dalam hasil karya mereka. Kajian ini juga membuktikan bahawa proses menghasilkan lukisan melalui Surih LED ini boleh memperkembangkan daya imaginasi, bakat dan kreativiti kanak- kanak.

## **KESIMPULAN**

Akhir sekali, kesimpulannya diharap kajian ini dapat membantu murid meningkatkan kemahiran melukis mereka. Kajian ini juga diharap dapat memberi inspirasi kepada usaha-usaha lain dalam menerokai cara meningkatkan kemahiran melukis murid dengan betul dan dengan cara yang lebih mudah sekaligus meningkatkan minat murid dengan subjek Pendidikan Seni Visual.

## RUJUKAN

- Abdul Shukor Hashim. (1985). Potensi Seni Kanak – kanak. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Faizul, Roslaili Anuar (2015). Adaptasi Teori Pembangunan Kreatif dalam Membangun Kreativiti dalam Kalangan Pelajar Tahun 1, *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni: Vol 3* (2015): KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2269>
- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching* (Vol. 4). New York: Longman.
- Cohen, E. J., Bravi, R., & Minciachchi, D. (2021). Assessing the Development of Fine Motor Control in Elementary School Children Using Drawing and Tracing Tasks. *Perceptual and Motor Skills*, 128(2), 605-624.
- Gowen, E., & Miall, R. C. (2006). Eye–hand interactions in tracing and drawing tasks. *Human movement science*, 25(4-5), 568-585.
- Merriam, S. B. (1998). Case Study Research In Education: A Qualitative approach San Francisco USA Jesey Bass.
- Noradzimah Abdul Majid., Abdul Razak Nordin., & Normah Kamarodzan. (2015). Penjanaan idea kreatif lukisan kanak-kanak menerusi kaedah imitasi [Creative idea generation in child painting through imitation method]. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 124-136.
- Norjietta Julita Taisin. (2018). Aktiviti melukis meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 7, 19-29. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Pusat Perkembangan Kokurikulum. (2000). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual*, Kuala Lumpur: DBP.
- Rofidah Musa., Muhamad Firdaus Ramli., Norkhaiatzul Erma Mohd Khairuddin., & Zainuddin Abindinhazir. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *KUPAS SENI*, 7, 72-80.
- Taylor, C. W. (1985). Cultivating Multiple Creative Talents in Student. *Journal for the Education of the Gifted*. Dimuat turun pada 10 Ogos, 2021 dari <https://journals.sagepub.com>
- Wang, Z., Qiu, S., Feng, N., Rushmeier, H., McMillan, L., & Dorsey, J. (2021). Tracing versus freehand for evaluating computer-generated drawings. *ACM Transactions on Graphics (TOG)*, 40(4), 1-12.